

Peniaga jangka keadaan bertambah baik suku ketiga

Peniaga meramalkan keadaan perniagaan bertambah baik pada suku ketiga 2023 dengan petunjuk keyakinan positif iaitu 0.7 peratus berbanding -3.1 peratus pada suku kedua 2023, demikian menurut Jabatan Perangkawanan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata ia disokong antaranya termasuk kestabilan pasaran pekerjaan, peningkatan dalam pelancongan domestik dan jangkaan lebih optimis dalam industri pelancongan kesihatan.

Beliau berkata, pada suku ketiga 2023, jangkaan perniagaan positif disokong oleh sektor perkhidmatan dan industri, manakala sektor perkhidmatan terus optimis terhadap prospek perniagaan dengan petunjuk keyakinan 6.1 peratus berbanding 3.9

peratus suku tahun sebelumnya.

Pada masa sama, katanya sentimen dalam sektor industri melonjak kepada trajektori positif dengan mencatatkan 1.3 peratus berbanding -2.1 peratus suku kedua 2023.

"Persepsi lebih baik dalam sektor industri disokong dua subsektor, iaitu pertanian dan perlombongan yang menjangkakan keadaan perniagaan menggalakkan dalam suku tahun rujukan.

"Sebaliknya, sektor pembinaan terus menjangkakan keadaan perniagaan negatif dengan petunjuk keyakinan turun 26.9 peratus suku ketiga 2023.

"Begini juga sektor perdagangan borong dan runcit kekal pesimis dengan petunjuk keyakinan yang lebih baik -1.5 peratus pada suku tahun rujukan berbanding -10.2 peratus pada suku

kedua 2023," katanya dalam satu kenyataan Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Tahun Ketiga 2023 yang diterbitkan oleh DOSM, semalam.

DOSM berkata, melihat kepada sentimen perniagaan untuk enam bulan akan datang berakhir Disember 2023, peniaga kekal optimis, meskipun dengan imbalan bersih yang lebih rendah iaitu 13.9 peratus berbanding 14.9 peratus direkodkan sebelum ini.

Ia berkata, tinjauan positif disokong merentas semua sektor, menunjukkan keadaan perniagaan bertambah baik dalam tempoh yang diramalkan.

Katanya, sektor perkhidmatan menjangkakan situasi perniagaan menggalakkan dalam enam bulan akan datang dengan imbalan bersih 27 peratus berbanding 30.1 peratus dicatatkan

bagi tempoh April hingga September 2023.

"Begini juga, sektor industri menjangkakan keadaan perniagaan lebih baik dengan imbalan bersih 9.7 peratus berbanding 15.6 peratus.

"Di samping itu, sektor perdagangan borong dan runcit dan pembinaan bertukar optimis terhadap situasi perniagaan bagi separuh kedua 2023," katanya.

DOSM menambah, sentimen dalam sektor perdagangan borong dan runcit meningkat dengan imbalan bersih 7.2 peratus dibantu prospek lebih baik dalam subsektor perdagangan borong.

"Sektor pembinaan turut meramalkan keadaan perniagaan positif dengan imbalan bersih 2.6 peratus berbanding -7.7 peratus yang dicatatkan sebelum ini," katanya.

“Persepsi lebih baik dalam sektor industri disokong dua subsektor, iaitu pertanian dan perlombongan yang menjangkakan keadaan perniagaan menggalakkan dalam suku tahun rujukan”

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia

